

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA :** DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
**KAWASAN :** PAYA BESAR  
**TARIKH :** 8 OGOS 2017  
**NO. SOALAN :** 4851

**SOALAN**

**Dato' Sri Abdul Manan Bin Ismail [Paya Besar]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah geran dan pinjaman kepada usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di seluruh negara setakat 1 Julai 2017 dan apakah perancangan strategik Kementerian dalam melonjakkan jumlah usahawan Bumiputera yang sekadar 37 peratus daripada 700,000 usahawan PKS di seluruh negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedar bahawa perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang mewakili 98.5% daripada keseluruhan pertubuhan perniagaan di Malaysia merupakan tulang belakang kepada ekonomi negara. Pada tahun 2016, Kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM5.765 bilion melalui 133 program pembangunan di bawah kelolaan pelbagai Kementerian dan agensi bagi membantu PKS meningkatkan keupayaan mereka. Daripada jumlah tersebut, RM4.902 bilion diperuntukkan khusus bagi melaksanakan program untuk meningkatkan akses pembiayaan

kepada PKS. Bantuan yang disediakan adalah dalam bentuk geran dan juga pinjaman mudah.

Bagi tahun 2017 pula, sebanyak 169 program PKS dengan peruntukan berjumlah RM5.87 bilion sedang dilaksanakan, yang mana 44 program adalah khusus untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan dengan peruntukan berjumlah RM5.27 bilion. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM140.8 juta telah diluluskan oleh SME Corp. Malaysia dalam tempoh Januari sehingga 30 Jun 2017, yang memberi manfaat kepada 1,634 PKS.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk melonjakkan jumlah usahawan Bumiputera di seluruh negara, MITI melalui SME Corp. Malaysia telah melaksanakan Program TUBE (Tunas Usahawan Belia Bumiputera). Melalui pelaksanaan program ini sejak tahun 2014 – 2016, seramai 1,436 orang belia Bumiputera telah dibimbing untuk membuka perniagaan dalam pelbagai bidang. Melalui penubuhan perniagaan ini, sejumlah RM38.6 juta jualan terkumpul berjaya dicatatkan dan sebanyak 5,291 peluang pekerjaan telah diwujudkan.

Berikutan kejayaan program TUBE, pada tahun ini, ianya akan diteruskan dengan TUBE Mega 2017 yang mensasarkan sebanyak 1,000 usahawan belia dilatih dan dipersiapkan untuk menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan di 10 Kem PLKN di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak. Bilangan ini akan bertambah setiap tahun, dengan sasaran 12,000 orang belia Bumiputera akan dilatih menjelang tahun 2020.